

1 JUN 1975

TELAH dua kali RTM menganjurkan pertandingan Dendang Rakyat, tapi nampaknya Negeri Perak ketinggalan ke belakang kerana tidak mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Negeri Johor boleh berbangga dengan Ghazal, Negeri Kelantan dengan Dikir Barat dan Pulau Pinang dengan tarian Boria.

Negeri Perak sebenarnya punya kesenian budayanya yang boleh diketengahkan iaitu Tarian Lotah, Dabus dan Tarian Bunga Nasi.

Pemain

Seorang pemain nobat Diraja Perak yang menamakan dirinya Pencinta Seni melalui sebuah akhbar (bukan B.H.) di ruangan Forum, menyatakan sedihnya kerana tidak ada peserta Negeri Perak mengambil bahagian dalam pertandingan Dendang Rakyat.

Saya telah membuat tinjauan pendapat kepada beberapa orang di dalam Daerah Kecil Kampung Gajah.

Penghulu Mukim Pulau Tiga, Encik Mohd. Nor bin Nasiruddin, (46 tahun) telah menyatakan amat kesalnya atas ketiadaan peserta dari Negeri Perak dalam pertandingan Dendang Rakyat.

Menuai

Beliau lalu menyorkan agar tarian LOTAH diketengahkan untuk dijadikan Dendang Rakyat bagi Negeri Perak.

Kerana katanya tarian LOTAH adalah benar-benar asli yang wujud beratus tahun lamanya. Dan tarian ini tidak asing lagi bagi penduduk-penduduk di tepi Sungai Perak dan di dalam Negeri Perak amnya.

Tarian LOTAH ini kata beliau ditarikan oleh petani-petani di Perak di zaman lalu selepas sahaja selesai menuai padi. Sebelum tarian ini dimulakan sebuah pentas khas dibina untuk tarian ini yang berbentuk em-

Tarian Lotah disyorkan jadi Dendang Rakyat Negeri Perak

947



TAIB ISMAIL

MOHD. KHALID MAAROF

MOHD. NOR NASIRUDDIN

pat segi dan tingginya 12 kaki. Pentas ini dibuat daripada kayu-kayu di hutan dan berlantakan buluh.

Keistimewaan pentas ini lantainya lembut seperti (spring) yang boleh dihentut-hentut ke atas dan ke bawah.

Pentas

Dan di atas pentas inilah padi yang telah dituai direk dengan kaki beramai-ramai (lelaki dan perempuan) sambil menyanyi menari berpegangan tangan, diringi pukulan Gong, Gendang dan Biola.

Menurut Encik Mohd. Nor sungguhpun begitu ia boleh dimodenkan de-

ngan menari tanpa menggunakan pentas khas dan juga bahan padi. Lagunya juga boleh diubahsuakan dengan senikata yang baru yang menggambarkan kemajuan negara.

Sebagai langkah permulaan untuk mengembangkan semula tarian ini pihaknya sedang berusaha bersama-sama rakannya Encik Tun Azhar bin Dumba (guru sekolah) dan Encik Ahmad Rabeel bin Abd. Rani (penduduk kampung) dari Pulau Tiga untuk melatih tarian tersebut kepada Bella.

Semasa latihan alat-alat muzik yang digunakan ialah Gendang, Gong dan Biola.

Setakat ini kata beliau sambutan dari ahli-ahli

LOTAH yang tua-tua juga muda-mudi amat menggalakkan. Dan beliau berharap apabila tarian ini sudah popular kembali ia akan cuba disalurkan kepada murid-murid sekolah.

Setuju

Encik Mohd. Nor memberitahu lagi pihaknya akan mengadakan Pertunjukan Perdana Tarian LOTAH ini dalam acara sambutan JUBLI INTAN, Sekolah Kebangsaan Pulau Tiga dalam bulan Julai akan datang.

Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Perak serta Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia akan dijemput sekali untuk menyaksikan per-

tunjukan tersebut. Sementara itu seorang lagi yang saya temui Encik Mohd. Khalid bin Ma'arof PJK (54 tahun) (Penyelia Kelas KEMAS) sangat bersetuju dengan syor yang dibuat oleh Tok Penghulu Pulau Tiga itu.

Dan beliau berharap semoga Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri mengkaji syor tersebut.

Encik Mohd. Khalid juga memberitahu Tarian LOTAH ini telah wujud 100 tahun yang lalu (lebih kurang). Tegas beliau dengan dihidupkan semula tarian ini dapatlah kita mengingat kembali kebudayaan Melayu lama.

Daerah

1 JUN 1975

Seorang ahli Lotah yang terkenal di daerah ini, Encik Taib bin Ismail (65 tahun) memberitahu tarian LOTAH ini telah menjadi darah daging penduduk-penduduk di tepi Sungai Perak zaman dulu.

Sambil beliau mengingatkan kembali peristiwa yang lalu (semasa beliau menjadi ahlinya) Encik Taib berkata beliau bersetuju sangat tarian ini dipopularkan kembali, kerana katanya tarian inilah yang sangat digemari di zaman dulu selain tarian Joget dan sebagainya.

Oleh ALLI MANAF

UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS INFORMATION RESOURCE CENTRE